

# **Socioeconomic Class And Self Concept Variables**

## **(Part 1)**

Norrafidah Binti Wahid

### **1.0 PENDAHULUAN**

Kelas sosial ialah suatu sistem di dalam sistem susun lapis sosial yang lebih terbuka. Di dalam sistem kelas sosial, sistem masyarakat lebih mudah diubah. Status seseorang individu itu biasanya bergantung kepada kedudukan ekonomi ketua rumah dan ianya adalah tidak tetap kerana status keluarga atau individu itu boleh berubah bergantung kepada ahli dalam kelompok golongan kelas sosial itu. Sekiranya keluarga atau individu itu digolongkan dalam kelas sosial bawahan, status keluarga ini boleh berubah menjadi status sosioekonomi kelas sosial atasan atau pertengahan sekiranya kehidupannya telah lebih baik berdasarkan pendapatan dan tahap pendidikan ahli-ahli dalam keluarga tersebut berbanding dengan status sosioekonomi mereka sebelum ini .

Sosioekonomi memainkan peranan yang penting dalam membina sebuah keluarga yang bahagia. Kelas sosial juga dilihat memainkan peranan dalam mempengaruhi pencapaian akademik murid-murid di sekolah. Ia boleh merangsang suasana pembelajaran kanak-kanak untuk mencapai tahap akademik yang cemerlang. Peranan kelas sosial bukan sahaja membantu meningkatkan pencapaian kanak-kanak dalam pembelajaran tetapi ibubapa dalam kelas sosial itu sendiri perlu berusaha untuk menentukan kehidupan dan kedudukan ekonomi keluarga mereka. Dalam kehidupan masyarakat, kelas sosial antara seseorang dengan individu yang lain adalah tidak sama.Ketidaksamaan kelas sosial telah wujud dalam semua masyarakat sama ada masyarakat tradisional, masyarakat membangun atau masyarakat maju. Pencapaian akademik seseorang pelajar adalah berdasarkan berbagai faktor. Antaranya melalui kelas sosial pelajar-pelajar tersebut.

Secara keseluruhannya, golongan murid-murid daripada kelas sosial atasan dan pertengahan adalah lebih baik dari segi prestasi pencapaian pelajarannya jika dibandingkan dengan golongan kelas sosial bawahan. Namun begitu, golongan murid-murid daripada kelas sosial bawahan juga boleh meningkatkan pencapaian dan taraf pendidikan mereka jika

adanya usaha dan sokongan daripada pelbagai pihak. Disamping kelas sosial ekonomi ini mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar, konsep kendiri seseorang juga boleh terbentuk melalui didikan dan penekanan yang diberikan oleh orang yang signifikan dalam diri mereka seperti ibubapa di dalam kelas sosial mereka. Setiap keluarga daripada pelbagai kelas sosial ini berbeza pendekatan mereka mendidik dan mengasuh anak-anak mereka mengikut cara mereka. Sama ada disedari atau sebaliknya, ianya boleh membentuk konsep kendiri seseorang itu secara positif atau konsep kendiri yang negatif. Walau bagaimanapun , konsep kendiri boleh berubah dari semasa ke semasa bergantung kepada individu itu ingin mengubah konsep kendirinya kearah yang lebih baik. Ini adalah kerana konsep kendiri seseorang itu adalah tidak tetap dan ianya boleh berubah. Contohnya, seseorang yang pasif ketika di alam persekolahan boleh berubah menjadi agresif ketika melangkah ke alam pekerjaan disebabkan oleh faktor persekitaran yang menjadikan mereka lebih matang dan berani menempuh segala cabaran dalam kehidupan. Justeru itu , sememangnya pembinaan konsep kendiri seseorang itu boleh diubah dan individu itu sendiri boleh mempertingkatkan konsep kendirinya yang sedia ada menjadi lebih baik di samping mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada pada dirinya tanpa membiarkan dirinya dilihat tidak ada perubahan dalam kehidupannya ini.

Kertas kerja ini mengaitkan dan menghubungkan dengan banyak perkara yang berkaitan dengan kelas sosioekonomi dan juga konsep kendiri individu. Banyak aspek yang dikaji di dalam perbincangan ini. Antaranya hubungan golongan kelas sosial ekonomi dengan pencapaian pelajar dan persekolahan, perbezaan sosial dalam nilai dan cara hidup masyarakat golongan kelas sosial, konsep kendiri dan kaitan antara konsep kendiri dengan sosioekonomi seseorang itu. Dengan ini, diharapkan kertas kerja yang dihasilkan ini akan memberi manfaat dan boleh dijadikan sumber rujukan. Setiap aspek yang dikaji di dalam kertas kerja ini diperkuatkan dengan pendapat tokoh-tokoh tertentu untuk menguatkan hujah atau kenyataan yang dinyatakan dalam kertas kerja ini.

Continue...